

**SIKAP DAN PENCAPAIAN PELAJAR DALAM MATA PELAJARAN
KESUSASTERAAN MELAYU: SATU KAJIAN KES**

AZAHA BIN IBRAHIM

**DISERTASI DIKEMUKAKAN BAGI
MEMENUHI SEBAHAGIAN SYARAT UNTUK MEMPEROLEH
IJAZAH SARJANA PENDIDIKAN**

**FAKULTI BAHASA
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS
2004**

PENGAKUAN

Saya mengaku karya ini adalah hasil kerja saya sendiri kecuali nukilan dan ringkasan yang setiap satunya telah saya jelaskan sumbernya

26 MAC 2004

AZAHA BIN IBRAHIM
200200432



PENGHARGAAN

Alhamdulillah, bersyukur ke hadrat Allah (S.W.T) kerana dengan izin dan limpah kurnia-Nya dapat juga penulis menyiapkan disertasi ini dalam jangka masa yang ditetapkan.

Saya mengambil kesempatan ini merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada penyelia disertasi ini, Prof. Dr. A. Wahab Ali yang telah banyak memberi bimbingan, sokongan, semangat, nasihat dan tunjuk ajar dalam menyempurnakan penulisan ini.

Ucapan terima kasih juga ditujukan kepada Dr. Quek Bon Cheng, En Abdul Rahman Rashid dan pensyarah dari universiti-universiti lain yang memberi pandangan dan bimbingan berhubung penulisan disertasi ini. Ucapan terima kasih kepada Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Pendidikan, Kementerian Pendidikan Malaysia Jabatan Pendidikan Negeri Pahang, dan pihak perpustakaan yang memberi kerjasama dalam menjalankan kajian ini. Rakaman terima kasih juga dihulurkan kepada Pengetua dan guru Kesusasteraan Melayu di Sekolah Menengah Kebangsaan Mahmud , Sekolah Menengah Kebangsaan Dong dan Sekolah Menengah Kebangsaan Tersang di daerah Raub Pahang yang memberikan kerjasama yang sangat baik ketika kajian ini dijalankan.

Penulis juga merakamkan rasa terhutang budi dan terima kasih kepada semua pensyarah Fakulti Bahasa dan rakan-rakan yang turut memberi sumbangan dan buah fikiran. Jasa dan sumbangan kalian tetap menjadi kenangan abadi.

AZAHA BIN IBRAHIM
Raub, Pahang Darul Makmur,
Mac, 2004

ABSTRAK

Kajian ini bertujuan mengkaji sikap terhadap Kesusasteraan Melayu di kalangan pelajar tingkatan lima dan hubungan dengan pencapaian pelajar dalam mata pelajaran berkenaan. Selain itu, kajian ini juga melihat adakah terdapat perbezaan sikap dan pencapaian pelajar dalam mata pelajaran Kesusasteraan Melayu mengikut jantina, lokasi tempat tinggal dan status sosio ekonomi keluarga. Sampel kajian terdiri daripada 160 orang pelajar tingkatan lima daripada tiga buah sekolah di daerah Raub, Pahang. Dua faktor sikap terhadap Kesusasteraan Melayu digunakan untuk mengukur sikap pelajar iaitu sikap pelajar terhadap mata pelajaran Kesusasteraan Melayu dan sikap pelajar terhadap guru Kesusasteraan Melayu. Untuk tujuan tersebut lima hipotesis umum dan 15 hipotesis kecil telah dibina. Kajian ini menggunakan soal selidik yang mengandungi 37 item sikap terhadap Kesusasteraan Melayu dengan skala Likert lima darjah persetujuan. Manakala pencapaian pelajar diperoleh berdasarkan markah ujian Kesusasteraan Melayu pada akhir tahun semasa pelajar berkenaan berada di tingkatan 4 (tahun 2003).

Data kajian ini telah dianalisis dengan ujian korelasi untuk mengukur hubungan sikap dan pencapaian pelajar dalam mata pelajaran Kesusasteraan Melayu. Manakala ujian - t pula digunakan untuk melihat perbezaan sikap dan pencapaian pelajar mengikut faktor jantina, lokasi tempat tinggal dan status sosio ekonomi pelajar. Dapatan kajian menunjukkan terdapat hubungan yang signifikan sikap dengan pencapaian pelajar dalam Kesusasteraan Melayu, iaitu sikap terhadap mata pelajaran dan sikap terhadap guru mata pelajaran dengan pencapaian. Hubungan sikap terhadap mata pelajaran dengan sikap

terhadap guru mata pelajaran Kesusasteraan Melayu juga menunjukkan hubungan yang signifikan.

Selain itu, dapatan kajian menunjukkan terdapat perbezaan yang signifikan sikap terhadap Kesusasteraan Melayu mengikut jantina, lokasi tempat tinggal dan SES indeks jenis pekerjaan. Manakala analisis pencapaian pelajar memperlihatkan perbezaan pencapaian yang signifikan mengikut lokasi tempat tinggal dan SES indeks jenis pekerjaan. Sementara analisis sikap pelajar terhadap guru mata pelajaran dan pencapaian pelajar mengikut jantina dan SES indeks tahap pendapatan dan tahap pendidikan menunjukkan tiada perbezaan yang signifikan.



ABSTRACT

The research aims to study the attitude of form five students towards Malay Literature and its relationship with achievement, it is also to investigate if there is any difference in attitude and level achievement according to sex, location and the socio-economic status of students. The sample comprises 160 students from three secondary schools at District of Raub Pahang. The two factors of attitude towards Malay Literature were used to measure the attitude towards Malay Literature subjects and Malay Literature teachers. Five general hypotheses and fifteen small null hypotheses were made. This study used questionnaires which consist of 37 items on the attitude towards Malay Literature with the five point Likert Scale. The students achievements in Malay Literature subject were obtained from the marks scored in the 2003 final examination.

The data were analyzed using the Pearson Coefficient Correlation method was used to measure the relationship between the attitude towards literature and the achievement in Malay Literature subject. While the *t-test* were used to determine different attitude and achievements in Malay Literature based on their gender, location, the socio-economy status of the students. The findings of the study shows that there is a significant relationship between attitude towards Malay Literature, that is, the attitude towards Malay Literature subjects and the attitude towards the Literature teacher with the achievement in the Malay literature subjects. The relationships between the attitudes towards the Malay Literature subject with the attitude towards the Malay literature teachers was also found significant.

Besides that, the findings show a significant attitude differences towards Malay Literature based on gender, location and the socio-economic status. As for the students achievement analysis, it shows a significant differences in their achievement based on their location and their socio-economic status (occupational index). However, the analysis of the students' attitude towards the subject teacher and the students achievements based on gender and the socio-economic status (occupational and educational index) shows no significant differences.

SENARAI SINGKATAN

Singkatan		Keterangan
LKTP	-	Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan
PMR	-	Penilaian Menengah Rendah
RM	-	Ringgit Malaysia
SES	-	Status Sosio Ekonomi
SMK	-	Sekolah Menengah Kebangsaan
SPM	-	Sijil Pelajaran Malaysia
SRP	-	Sijil Rendah Pelajaran
STPM	-	Sijil Tinggi Pelajaran Malaysia

KANDUNGAN

	Halaman
PENGAKUAN	ii
PENGHARGAAN	iii
ABSTRAK	iv
ABSTRACT	vi
KANDUNGAN	viii
SENARAI JADUAL	xiii
SENARAI RAJAH	xvi
SENARAI SINGKATAN	xvii
BAB 1:PENDAHULUAN	1-19
1.1 Pengenalan	1
1.2 Pernyataan masalah kajian	4
1.3 Tujuan kajian	5
1.4 Definisi istilah	6
1.4.1 Sikap	6
1.4.2 Pencapaian	10
1.4.3 Status Sosio Ekonomi	11
1.4.4 Bandar dan luar bandar	12
1.5 Kepentingan kajian	13
1.6 Hipotesis kajian	15
1.7 Batasan kajian	18
1.7.1 Tempat kajian	18
1.7.2 Contohan kajian	18
1.7.3 Tumpuan kajian	19
1.8 Kesimpulan	19

BAB 2: KAJIAN-KAJIAN LITERATUR	20-32
2.1 Pengenalan	20
2.2 Kajian kesan sikap terhadap pencapaian	22
2.3 Kajian kesan sikap dan pencapaian mengikut jantina	26
2.4 Kajian kesan sikap dan pencapaian mengikut status sosio ekonomi	27
2.5 Kajian kesan sikap dan pencapaian mengikut lokasi tempat tinggal	30
2.6 Kesimpulan	31
 BAB 3: METODOLOGI KAJIAN	 33-52
3.1 Pengenalan	33
3.2 Instrumen kajian	34
3.2.1 Soal selidik	34
3.2.2 Kebolehpercayaan dan kesahan soal selidik	37
3.3 Populasi dan sampel kajian	38
3.3.1 Sampel kajian	39
3.4 Reka bentuk penyelidikan	40
3.5 Kaedah pengumpulan data	41
3.6 Kaedah penganalisan data	45
3.6.1 Ujian korelasi	45
3.6.2 Ujian t	47
3.7 Pengujian hipotesis	48
3.8 Kesimpulan	52

BAB 4: KEPUTUSAN KAJIAN 53-86

4.1 Pengenalan 53

4.2. Hipotesis Nul – Tidak terdapat hubungan yang signifikan sikap dan pencapaian pelajar dalam mata pelajaran Kesusasteraan Melayu 53

4.2.1 Hipotesis nul kecil– Tidak terdapat hubungan yang signifikan sikap terhadap mata pelajaran dan pencapaian 55

4.2.2 Hipotesis nul kecil – Tidak terdapat hubungan yang signifikan sikap terhadap guru mata pelajaran dengan pencapaian 56

4.2.3 Hipotesis nul kecil – Tidak terdapat hubungan yang signifikan sikap pelajar terhadap mata pelajaran dengan sikap terhadap guru Kesusasteraan Melayu 57

4.3 Hipotesis Nul- Tidak terdapat perbezaan yang signifikan sikap (sikap terhadap mata pelajaran dan sikap terhadap guru) terhadap Kesusasteraan Melayu mengikut jantina, lokasi tempat tinggal dan SES keluarga 59

4.3.1 Hipotesis nul kecil -Tidak terdapat perbezaan yang signifikan Sikap (sikap terhadap mata pelajaran dan sikap terhadap guru) terhadap Kesusasteraan Melayu mengikut jantina 59

4.3.2 Hipotesis nul kecil - Tidak terdapat perbezaan yang signifikan Sikap (sikap terhadap mata pelajaran dan sikap terhadap guru) terhadap Kesusasteraan Melayu mengikut lokasi tempat tinggal 60

4.3.3 Hipotesis nul kecil - Tidak terdapat perbezaan yang signifikan sikap (sikap terhadap mata pelajaran dan sikap terhadap guru) terhadap Kesusasteraan Melayu mengikut SES keluarga 61

4.4 Hipotesis nul -Tidak terdapat perbezaan pencapaian dalam mata pelajaran Kesusasteraan Melayu mengikut jantina, lokasi tempat tinggal dan SES keluarga pelajar 65

4.4.1 Hipotesis nul kecil-Tidak terdapat perbezaan pencapaian yang signifikan dalam mata pelajaran Kesusasteraan Melayu antara pelajar lelaki dengan pelajar perempuan 65

4.4.2 Hipotesis nul kecil -Tidak terdapat perbezaan pencapaian yang signifikan dalam mata pelajaran Kesusasteraan Melayu antara pelajar yang tinggal di bandar dengan pelajar yang tinggal di luar bandar	66
4.4.3 Hipotesis nul kecil -Tidak terdapat perbezaan pencapaian yang signifikan dalam mata pelajaran Kesusasteraan Melayu antara pelajar yang status SES tinggi dengan pelajar status SES rendah	67
4.5 Hipotesis Nul- Tidak terdapat perbezaan yang signifikan sikap terhadap mata pelajaran Kesusasteraan Melayu mengikut jantina, lokasi tempat tinggal dan SES keluarga	71
4.5.1 Hipotesis nul kecil - Tidak terdapat perbezaan yang signifikan sikap terhadap mata pelajaran Kesusasteraan Melayu antara pelajar lelaki dengan pelajar perempuan	72
4.5.2 Hipotesis nul kecil - Tidak terdapat perbezaan yang signifikan sikap terhadap mata pelajaran Kesusasteraan Melayu antara pelajar tinggal di bandar dengan pelajar di luar bandar	73
4.5.3 Hipotesis nul kecil - Tidak terdapat perbezaan yang signifikan sikap terhadap mata pelajaran Kesusasteraan Melayu antara SES tinggi dengan SES rendah	74
4.6 Hipotesis Nul- Tidak terdapat perbezaan yang signifikan sikap terhadap guru mata pelajaran Kesusasteraan Melayu mengikut jantina, lokasi tempat tinggal dan SES keluarga	78
4.6.1 Hipotesis nul kecil - Tidak terdapat perbezaan yang signifikan sikap terhadap guru mata pelajaran Kesusasteraan Melayu antara pelajar lelaki dengan pelajar perempuan	79
4.6.2 Hipotesis nul kecil - Tidak terdapat perbezaan yang signifikan sikap terhadap guru mata pelajaran Kesusasteraan Melayu antara pelajar tinggal di bandar dengan pelajar di luar bandar	80
4.6.3 Hipotesis nul kecil - Tidak terdapat perbezaan yang signifikan sikap terhadap guru mata pelajaran Kesusasteraan Melayu antara SES tinggi dengan SES rendah	81
4.7 Kesimpulan	84

BAB 5 : KESIMPULAN

87-95

5.1 Pengenalan	87
5.2 Sikap dan pencapaian pelajar dalam mata pelajaran Kesusasteraan Melayu	87
5.3 Sikap pelajar terhadap Kesusasteraan Melayu mengikut jantina	89
5.4 Sikap pelajar terhadap Kesusasteraan Melayu mengikut lokasi tempat tinggal	90
5.5 Sikap pelajar terhadap Kesusasteraan Melayu mengikut SES	91
5.6 Cadangan-cadangan	92
5.7 Kesimpulan	95
RUJUKAN	96

LAMPIRAN A : Soal selidik

LAMPIRAN B : Surat kebenaran

LAMPIRAN C : Analisis data

SENARAI JADUAL

JADUAL	HALAMAN
Jadual 1.1 Pengelasan Kawasan Mengikut Strata	13
Jadual 3.1 Soal Selidik Sikap Terhadap Kesusasteraan Melayu	35
Jadual 3.2 Keputusan Ujian Kebolehpercayaan Soal Selidik	38
Jadual 3.3 Bilangan Pelajar Tingkatan Lima yang Dipilh Mengikut Sekolah Masing-masing Yang Mengambil Subjek Kesusasteraan Melayu	40
Jadual 3.4 Bilangan Pelajar Lelaki dan Perempuan	42
Jadual 3.5 Bilangan Pelajar Mengikut Status Sosio Ekonomi	43
Jadual 3.6 Bilangan Pelajar Mengikut Lokasi Tempat Tinggal	44
Jadual 3.7 Pencapaian Pelajar Dalam Mata Pelajaran Kesusasteraan Melayu	45
Jadual 4.1 Jadual Ujian Korelasi sikap dengan Pencapaian Pelajar Dalam Mata Pelajaran Kesusasteraan Melayu	54
Jadual 4.2 Jadual Ujian Korelasi sikap Terhadap Mata Pelajaran dengan Pencapaian Dalam Mata Pelajaran Kesusasteraan Melayu	55
Jadual 4.3 Jadual Ujian Korelasi sikap Terhadap Guru dengan Pencapaian Pelajar Dalam Mata Pelajaran Kesusasteraan Melayu	57
Jadual 4.4 Jadual Ujian Korelasi sikap Terhadap Mata Pelajaran dengan Sikap Pelajar Terhadap Guru Dalam Mata Pelajaran Kesusasteraan Melayu	58
Jadual 4.5 Ujian -T – Sikap Terhadap Kesusasteraan Melayu di antara Pelajar Lelaki dengan Pelajar Perempuan.	60
Jadual 4.6 Ujian -T – Sikap Terhadap Kesusasteraan Melayu di antara Pelajar yang Tinggal di Bandar dengan Pelajar yang Tinggal di Luar Bandar	61
Jadual 4.7 Ujian -T – Sikap Terhadap Kesusasteraan Melayu Mengikut Tahap Pendidikan Ibu Bapa Pelajar	62


Jadual 4.8	Ujian -T - Sikap Terhadap Kesusasteraan Melayu Mengikut Tahap Pendapatan Ibu Bapa Pelajar	63
Jadual 4.9	Ujian -T - Sikap Terhadap Kesusasteraan Melayu Mengikut Jenis Pekerjaan Ibu Bapa Pelajar	64
Jadual 4.10	Ujian -T- Pencapaian Pelajar dalam Mata Pelajaran Kesusasteraan antara Pelajar Lelaki dengan Pelajar Perempuan	66
Jadual 4.11	Ujian -T- Pencapaian Pelajar dalam Mata Pelajaran Kesusasteraan antara Pelajar yang Tinggal di Bandar dengan Pelajar yang Tinggal di Luar Bandar	67
Jadual 4.12	Ujian -T- Pencapaian Pelajar dalam Mata Pelajaran Kesusasteraan Mengikut Tahap Pendidikan	68
Jadual 4.13	Ujian -T- Pencapaian Pelajar dalam Mata Pelajaran Kesusasteraan Mengikut Tahap Pendapatan	69
Jadual 4.14	Ujian -T- Pencapaian Pelajar dalam Mata Pelajaran Kesusasteraan Mengikut Jenis Pekerjaan	70
Jadual 4.15	Ujian -T - Sikap terhadap Mata Pelajaran Kesusasteraan Melayu mengikut Jantina	72
Jadual 4.16	Ujian -T - Sikap terhadap Mata Pelajaran Kesusasteraan Melayu mengikut Lokasi Tempat Tinggal	74
Jadual 4.17	Ujian -T - Sikap terhadap Mata Pelajaran Kesusasteraan Melayu mengikut Tahap Pendidikan	75
Jadual 4.18	Ujian -T - Sikap terhadap Mata Pelajaran Kesusasteraan Melayu mengikut Tahap Pendapatan	76
Jadual 4.19	Ujian -T - Sikap terhadap Mata Pelajaran Kesusasteraan Melayu mengikut Jenis Pekerjaan	77
Jadual 4.20	Ujian -T - Sikap terhadap Guru Mata Pelajaran Kesusasteraan Melayu mengikut Jantina	79
Jadual 4.2.1	Ujian -T - Sikap terhadap Guru Mata Pelajaran Kesusasteraan Melayu mengikut Lokasi Tempat Tinggal	81

Jadual 4.22	Ujian -T – Sikap terhadap Guru Mata Pelajaran Kesusasteraan Melayu mengikut Tahap Pendidikan	82
Jadual 4.23	Ujian -T – Sikap terhadap Guru Mata Pelajaran Kesusasteraan Melayu mengikut Tahap Pendapatan	82
Jadual 4.24	Ujian -T – Sikap terhadap Guru Mata Pelajaran Kesusasteraan Melayu mengikut Jenis Pekerjaan	83



SENARAI RAJAH

RAJAH	HALAMAN
Rajah 1.1 Model Tiga Komponen Sikap	8
Rajah 3.1 Menunjukkan Korelasi Negatif dan Korelasi Positif	46



BAB 1

PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan

Dalam era globalisasi sekarang, ada segolongan masyarakat memandang bidang ekonomi, teknologi, dan sains sahaja yang berupaya membangunkan sesebuah negara. Bagi mereka sastera merupakan salah satu alat hiburan dan wadah seniman, melampiaskan khayalan dan imaginasi semata-mata. Justeru apabila pendidikan kesusasteraan diajar di sekolah, mereka mendakwa mata pelajaran ini diambil oleh para pelajar lemah untuk memenuhi waktu belajar di sekolah (Iskandar Puteri, 2003: 5). Oleh yang demikian sastera menjadi terpinggir, tersisih, terketepi atau apa sahaja istilah yang membawa konotasi bahawa sastera tidak memberi banyak kebaikan.

Sekiranya masyarakat beranggapan seperti yang dinyatakan di atas ternyata mereka silap. F.R. Leavis (1948) seorang sarjana sastera Inggeris yang pernah memberi kuliah di Universiti Cambridge dari tahun 1937-1962 menegaskan dalam bukunya *Education and the University*, bahawa pengkajian kesusasteraan sepatutnya menjadi pusat

pengkajian semua pengetahuan yang diajar di universiti, atas landasan bahawa pengkajian kesusasteraan jauh lebih penting, demi meninggikan peradaban bangsa daripada pengkajian-pengkajian kejuruan (*vocational*). Leavis cuba memberikan penjelasan agar masyarakat memahami hakikat mempelajari sastera berbeza dengan hakikat mempelajari sains dan teknologi. Sains dan teknologi merupakan mata pelajaran kejuruan yang sifatnya memang menyediakan kemahiran-kemahiran khas kepada manusia bagi melayakkan mereka untuk menjadi doktor, peguam, akauntan, jurutera, arkitek, dan sebagainya. Sastera tidak berdasarkan kepada kefahaman demikian. Orang yang mempelajari sastera tidak mesti ditetapkan pekerjaan tertentu dan memang tidak diharapkan berbuat demikian kerana sifatnya yang subjektif.

Mario Vargas Llosa pula menegaskan bahawa sastera dan kehidupan adalah dua aspek yang tidak boleh dipisahkan ibarat isi dengan kuku. Beliau lebih cenderung melihat sastera sebagai salah satu wadah bagi pencernaan pemikiran yang paling memberangsangkan untuk membentuk warganegara dalam masyarakat merdeka. Namun sebaliknya yang berlaku dalam dunia sekarang yang memperlihatkan sastera semakin mengecut dan lenyap daripada kurikulum akademik (Mario Vargas Llosa [terj.] 2002: 31-32).

Berdasarkan beberapa pandangan sarjana di atas, ini jelas menggambarkan bahawa mempelajari sastera merupakan aspek penting dalam kehidupan seseorang dalam membina jati diri masyarakat. Namun, di negara kita mahasiswa yang belajar dan mengikuti kursus sastera dianggap merugikan dan sia-sia apabila ramai siswazah yang mengambil jurusan sastera di universiti menganggur kerana kursus yang ditawarkan tidak diperlukan dalam pasaran kerja. Namun, kenyataan di atas disanggah oleh

Prof. Dr. Samsudin Abdul Rahim, Dekan Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia. Beliau menyatakan bahawa punca siswazah sastera menganggur bukan kerana kursus yang dipilih tetapi kerana sikap dan personaliti mereka terhadap kerjaya itu sendiri (Faisal Tehrani. 2002: 10-12).

Senario yang hampir sama berlaku di sekolah-sekolah berhubung dengan pendidikan sastera. Mata pelajaran Kesusasteraan Melayu yang dikelompokkan sebagai mata pelajaran elektif yang tercorot untuk ditawarkan kepada pelajar tingkatan empat dan lima menjadikan kesusasteraan diketepikan. Kekurangan minat pelajar untuk mengambil mata pelajaran kesusasteraan semakin ketara kerana ramai pelajar mempersepsikan mata pelajaran Kesusasteraan Melayu tidak ada nilai “komersial” yang tidak menjanjikan aset untuk meraih jawatan tinggi telah mempengaruhi ibu bapa dan para pelajar sendiri agar tidak memilih subjek ini dalam peperiksaan. Fenomena persekitaran banyak mengubah paradigma para pelajar untuk menjauhkan diri dengan pendidikan sastera. Mata pelajaran yang dikatakan subjek *low class* ini hanya diambil oleh pelajar yang kurang baik prestasi akademiknya ditambah lagi dengan masalah tidak mengusai kemahiran membaca, lisan dan menulis. Jika keadaan ini yang berlaku, bagaimanakah kumpulan pelajar ini dapat menghayati teks novel, cerpen, puisi dan karya tradisional dan cemerlang dalam ujian mata pelajaran Kesusasteraan Melayu peringkat sekolah, mahupun peringkat Sijil Pelajaran Malaysia (SPM)?(Naapie Mat.2002: 18)

Sehubungan dengan itu, kajian ini mencuba melihat apakah faktor sikap yang paling dominan dalam menentukan kecemerlangan seseorang pelajar dalam mata pelajaran Kesusasteraan Melayu? Secara umumnya kita mendapat gambaran bahawa pelajar yang mengambil mata pelajaran Kesusasteraan Melayu terdiri daripada kumpulan

pelajar yang kurang baik prestasi akademiknya. Oleh itu, kajian ini ingin mengukur sejauh manakah faktor Status Sosioekonomi (SES) keluarga, tempat tinggal dan jantina dalam mempengaruhi pencapaian pelajar dalam mata pelajaran sastera, dan apakah sikap pelajar terhadap mata pelajaran Kesusasteraan Melayu berbeza atau tidak mengikut faktor-faktor di atas?

1.2 Pernyataan Masalah Kajian (Statement of the Problem)

Sikap pelajar terhadap mata pelajaran Kesusasteraan Melayu dan kesannya ke atas pencapaian belum banyak diperkatakan. Cuma diandaikan kejayaan seseorang pelajar biasanya dikaitkan dan dihubungkan dengan sikap yang ditunjukkan oleh seseorang pelajar terhadap sesuatu mata pelajaran yang dipelajari di sekolah. Dengan kata lain prestasi cemerlang pelajar dalam sesuatu mata pelajaran adalah terletak di tangan mereka sendiri. Oleh itu, kajian ini cuba melihat hubungan sikap dengan pencapaian dalam mata pelajaran Kesusasteraan Melayu Kurikulum Baru Sekolah Menengah (KBSM) di kalangan pelajar sekolah menengah di daerah Raub Pahang.

Sehubungan dengan itu, maka permasalahan-permasalahan berikut di kemukakan:

- i. Sejauh manakah hubungan sikap terhadap mata pelajaran Kesusasteraan Melayu memberi kesan kepada pencapaian pelajar?
- ii. Adakah terdapat hubungan sikap pelajar terhadap mata pelajaran Kesusasteraan Melayu dengan sikap pelajar terhadap guru Kesusasteraan Melayu mereka?
- iii. Adakah sikap pelajar terhadap guru Kesusasteraan Melayu mempunyai hubungan dengan pencapaian pelajar dalam subjek berkenaan?

- iv. Sejauh manakah sikap terhadap Kesusasteraan Melayu berbeza mengikut jantina, status sosio ekonomi keluarga dan lokasi tempat tinggal?
- v. Adakah pencapaian pelajar dalam mata pelajaran Kesusasteraan Melayu berbeza mengikut jantina, status sosioekonomi keluarga dan lokasi tempat tinggal?
- vi. Sejauh manakah sikap pelajar terhadap guru mata pelajaran Kesusasteraan Melayu berbeza mengikut jantina, status sosioekonomi keluarga dan lokasi tempat tinggal?

1.3 Tujuan kajian

Kajian ini dijalankan untuk mencapai beberapa objektif iaitu:

- i. Untuk mengukur sejauh manakah hubungan sikap dengan pencapaian pelajar dalam mata pelajaran Kesusasteraan Melayu.
- ii. Untuk mengukur hubungan sikap pelajar terhadap mata pelajaran Kesusasteraan Melayu dengan sikap pelajar terhadap guru Kesusasteraan Melayu mereka.
- iii. Untuk mengukur sejauh manakah hubungan sikap pelajar terhadap guru Kesusasteraan Melayu mempunyai hubungan dengan pencapaian pelajar dalam subjek berkenaan.
- iv. Untuk mengukur sejauh manakah perbezaan sikap pelajar terhadap mata pelajaran Kesusasteraan Melayu mengikut jantina, status sosioekonomi keluarga dan lokasi tempat tinggal.

- v. Untuk melihat sejauh manakah pencapaian pelajar dalam mata pelajaran Kesusasteraan Melayu berbeza mengikut jantina, status sosioekonomi keluarga dan lokasi tempat tinggal.
- vi. Untuk meneliti sejauh manakah sikap pelajar terhadap guru mata pelajaran Kesusasteraan Melayu berbeza mengikut jantina, status sosioekonomi keluarga dan lokasi tempat tinggal.

1.4 Definisi Istilah

1.4.1 Sikap

Istilah sikap kerap digunakan dalam perbualan harian kita. Kita memiliki gambaran umum tentang maksud istilah ini. Kalau kita diminta menghuraikan maksud sikap, jawapan kita mungkin berbunyi begini; "Sikap ialah perasaan seseorang terhadap sesuatu". Definisi ini tidaklah begitu jauh bezanya daripada maksud sebenarnya. Thurstone dalam Attitude Change, seorang pelopor dalam pengukuran sikap, telah mendefinisikan sikap sebagai:

"... the intensity of positive or negatif affect for or against a psychological object."

(Kiesler, Collin & Miller. 1969: 2).

Tafsiran Thurstone telah membolehkan kita mendefinisikan sikap seseorang sebagai kesan keinginan atau ketidakinginan terhadap sebarang situasi atau objek yang diberikan. Berdasarkan definisi Thurstone, ahli-ahli sosiologi seperti Martin Fisbein menerangkan sikap sebagai satu sifat yang dipelajari dan agak tahan untuk bergerakbalas secara terus terhadap sesetengah orang, kumpulan, idea atau situasi, secara disukai atau tidak disukai (Fisbein.1975: 6). Allport (1954) dalam kajiannya mengenai sikap,

menyatakan bahawa sikap adalah satu keadaan kesediaan mental dan saraf, diurus melalui pengalaman. Sikap merupakan satu arah tuju atau pengalaman yang dinamik ke atas gerak balas individu kepada semua objek atau situasi dengan mana sikap ini berkait. Selain itu, beliau juga menegaskan bahawa sikap merupakan satu sistem penilaian positif atau negatif, kesedaran emosi dan kecenderungan untuk bersetuju atau tidak terhadap sesuatu objek. Walaupun beberapa pengkaji psikologi sosial telah berusaha untuk mendefinisikan istilah 'sikap' dalam pelbagai cara, namun satu kata sepakat belum dicapai lagi (Allport. 1954: 43).

Triandis (1971) pula melihat perkataan sikap merujuk kepada tiga komponen yang berbeza iaitu komponen afektif, tingkah laku dan kognitif. Ahli-ahli psikologi sosial selalu merumuskan sikap merangkumi komponen afektif, komponen kognitif dan komponen tingkah laku. Rajah 1.1 menunjukkan komponen-komponen yang membentuk sikap.